

31/01/2002

Dua presiden terajui PBRS

Muhd Yusuf Abu Bakar; Suzianah Jiffar

KOTA KINABALU, Rabu - Kongres ketujuh Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) yang menyaksikan pergaduhan semalam, hari ini menimbulkan persoalan baru - siapakah presiden sebenar parti berkenaan.

Soalan ini timbul apabila persidangan yang disambung semula pagi ini bukan saja memilih Tan Sri Joseph Kurup tanpa bertanding, tetapi turut membentuk satu lagi barisan Majlis Tertinggi (MT).

Dengan itu, PBRS kini mempunyai dua presiden dan dua kumpulan MT berikutan satu kumpulan semalam memilih Datuk Dr Jeffrey Kitingan sebagai presiden dan membentuk MT.

Sejurus dipilih tanpa bertanding, Kurup berkata pemilihan hari ini sah dan mengikut perlembagaan parti, manakala persidangan yang memilih Dr Jeffrey semalam tidak sah.

"Pemilihan yang diadakan hari ini sah kerana cukup korum dan mengikut peraturan parti. Kira-kira 90 perwakilan berdaftar dari 25 bahagian mengundi pagi ini untuk memilih Presiden, Timbalan Presiden, Naib Presiden dan ahli MT," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas persidangan di Hotel Magellan Sutera itu, Kurup berkata pemilihan oleh kumpulan Dr Jeffrey tidak sah kerana sebahagian yang mengundi bukan perwakilan sah.

Sementara itu, Dr Jeffrey, pada sidang akhbar di Penampang petang ini mendakwa, sebarang pemilihan yang dilakukan selepas petang semalam tidak sah dan haram.

"Apabila ahli MT dibubarkan semalam, keputusan pemilihan terletak kepada perwakilan untuk menentukan siapa yang mereka pilih bagi memimpin parti," katanya.

Dr Jeffrey yang sebelum ini digantung keahlian oleh Kurup mendakwa, tindakan perwakilan melantik presiden dan ahli MT semalam adalah sah mengikut peraturan.

"Saya yang dilantik sebagai presiden parti pada tarikh yang ditetapkan parti semalam. Mana-mana lantikan selepas itu adalah tidak sah kerana yang melantik mereka bukan perwakilan lagi," katanya.

Kurup pula berkata, pihaknya akan menghantar laporan mengenai persidangan hari ini kepada Pendaftar Pertubuhan (ROS) untuk menentukan kesahihan.

Bagaimanapun, Dr Jeffrey bertindak lebih awal menghantar laporan pemilihannya kepada Pengerusi Barisan Nasional (BN) Sabah, Datuk Chong Kah Kiat pagi ini untuk dibawa dalam perbincangan dengan Pengerusi BN Pusat, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya sudah menghantar laporan awal kepada Datuk Chong dan akan berjumpanya untuk memaklumkan mengenai pemilihan perwakilan PBRS dalam tempoh terdekat. Laporan kepada ROS turut dihantar petang ini bagi membolehkannya meneliti persidangan semalam," katanya.

Dr Jeffrey berkata, sebagai presiden PBRS yang baru, beliau bersedia bersemuka dengan Kurup untuk membincangkan masa depan parti dan merapatkan kembali anggota parti selepas pertelagahan dalam kongres semalam.

(END)